

Headline	<b>UPM paten, komersial 28 produk</b>		
Date	<b>23. Jan 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Page No	<b>23</b>
Section	<b>Pendidikan</b>	Article Size	<b>83 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>217991</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>762968</b>	Color	<b>Full Color</b>



## UPM paten, komersial 28 produk

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mendahului institusi pengajian tinggi awam (PTA) apabila berjaya memateni dan mengkomersialkan 28 produk penyelidikannya, manakala 168 lagi dalam proses paten.

Sehingga bulan ini, 15 produk penyelidikan dipatenkan manakala 13 lagi dikomersialkan dan kini digunakan dalam pelbagai bidang khususnya berdasarkan pertanian.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapa Raja Abdullah, berkata jumlah produk berjaya dikomersialkan itu tertinggi berbanding IPTA dan institut penyelidikan lain.

Beliau berkata, universiti itu kini

berada pada era pengkomersialan produk penyelidikan dalam usaha memastikan pemindahan teknologi dihasilkan dapat dimanfaatkan bagi pembangunan negara.

Terbaru katanya, kerjasama dicapai antara UPM dan Diversatech Sdn Bhd yang diberi hak pelesenan eksekutif bagi memasarkan dua produk universiti, iaitu Vita-Grow dan Zappa.

"Sebelum ini, produk lain yang mendapat permintaan sektor industri ialah *Triomic* iaitu penghasilan kit pengesan DNA dan protein yang digunakan dalam sektor perubatan, pertanian dan forensik. Satu lagi, Orchid Life yang menghasilkan tanaman orkid tropika," katanya.